

01 JUL 1999

Mahathir-Ekonomi

KEGAWATAN EKONOMI SUDAH BERAKHIR, KATA DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 1 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengumumkan bahawa kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak pertengahan 1997 kini sudah berakhir.

"Saya kini melaporkan kepada penduduk Pulau Pinang bahawa kita sudah berjaya mengatasi masalah ekonomi dengan usaha, kekuatan dan kewangan kita sendiri tanpa meminta bantuan daripada orang lain," kata beliau semasa berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di sini.

Perdaba Menteri berkata kerajaan telah membentuk pendekatan yang mampu memulihkan kekuatan ekonomi tanpa bantuan "orang asing" dan perkara ini boleh dilakukan kerana kerajaan BN kuat, kukuh dan mendapat majoriti yang tinggi di dalam Dewan-dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat (Parlimen).

Dr Mahathir juga berkata masih ada pembangkang yang tidak berpuas hati dengan usaha kerajaan membina lebuh raya bertol di seluruh negara kerana menganggapnya mahal walaupun ia sebenarnya bertujuan menyelamatkan banyak nyawa rakyat negara ini.

Menurutnya kemalangan di jalan-jalan lama adalah jauh lebih tinggi daripada kemalangan di lebuh raya-lebuh raya walaupun jumlah kenderaan yang menggunakan jalan lama berkurangan berbanding kenderaan di lebuh raya.

"Kajian menunjukkan kematian di lebuh raya hanya satu per 10 berbanding di jalan lama," katanya sambil mencabar pembangkang supaya membina lebuh raya di negara ini dengan mengenakan tol yang rendah.

Perdana Menteri berkata kadar tol di negara ini masih rendah berbanding negara-negara lain seperti Jepun yang mengenakan bayaran tol yang bersamaan RM300 bagi menyeberangi jambatan yang lebih pendek daripada Jambatan Pulau Pinang berbanding RM7 di sini.

Menurutnya kerajaan berupaya mengenakan kadar tol yang lebih rendah itu adalah kerana kerajaan memberi subsidi kepada pengguna lebuh raya.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi dalam ucapannya berkata Malaysia bertuah kerana mempunyai sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat dan berjuang untuk kepentingan rakyat.

Turut hadir pada perhimpunan itu, yang dihadiri kira-kira 15,000 rakyat negeri ini, ialah Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan timbalannya Datuk Shariff Omar.

Esok, Perdana Menteri dijadualkan merasmikan bangunan baru PG8 Intel Technology Sdn Bhd di kawasan Perindustrian Bayan Lepas sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

-- BERNAMA

AHM/ZU NAK